

Lantikan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dialu2

CUEPACS yakin negara akan terus makmur

KUALA LUMPUR, Isnin — Rakyat dari semua lapisan hari ini mengalu-alukan pemilihan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO yang baru dan seterusnya sebagai Perdana Menteri bila Datuk Hussein Onn melepaskan jawatan itu 16 Julai ini.

Mereka menifatkan Timbalan Perdana Menteri itu sebagai seorang pemimpin negara yang tegas, dinamis, dedikasi dan tabah.

Mereka yakin di bawah pucuk pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, negara akan bertambah maju dan makmur dalam semua bidang.

Cuepacs menyatakan keyakinan bahawa negara akan terus makmur di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir yang dinamik.

Mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir yang dipilih sebagai Presiden UMNO yang baru dan perlantikannya sebagai Perdana Menteri akan datang, Presiden Cuepacs, Encik T. Narendran berkata "Datuk Seri Dr. Mahathir akan menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, yang saya fikir — satu rancangan yang paling dicita-citakan."

Katanya, kaitangan awam akan memberi sokongan kepada beliau untuk menjalankan rancangan tersebut.

Rancangan tersebut juga memerlukan dedikasi dari sektor awam.

Bellau juga berkata, Cuepacs, yang mempunyai 60 buah kesatuan bergabung dengan jumlah ahli 120,000 akan bekerjasama dengan Perdana Menteri yang baru.

"Kami berharap, Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengadakan lebih banyak dialog dengan kami," tambah Encik Narendran.

Encik Narendran juga menyatakan penghargaan Cuepacs ke atas Datuk Hussein Onn sebagai seorang negarawan yang telah ditunjukkan ketika membolehkan tugas sebagai Perdana Menteri.

"Di dalam segala hubungan dan perbincangan dengan beliau mengenai berbagai perkara melibatkan sektor awam, Datuk Hussein sungguh memahaminya," jelasnya lagi.

Bellau juga beretuju dengan Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa Datuk Hussein ialah seorang yang benar-benar demokratik.

Pemangku Presiden MTUC, Encik Zainal Rampak, yang juga mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir atas perlantikannya

sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri akan datang menyatakan harapan agar Kerajaan lebih bersimpati kepada masalah kesatuan sekerja.

Terutamanya, beliau menyatakan bahawa pindaan ke atas undang-undang buruh yang disifatkannya sebagai tidak sesuai kepada pergeseran buruh.

Bellau berharap kerjasama yang lebih baik akan wujud di antara Kerajaan dan MTUC di masa akan datang.

Encik Zainal memuji perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Datuk Hussein Onn dan menabahkan perletakan jawatan beliau bulan depan bermakna negeri akan kehilangan seorang negarawan.

Encik Zainal sambil mengucapkan tahniah kepada Datuk Musa Hitam atas kejayaannya merayu kepada Tengku Razaleigh Hamzah supaya kekal dalam kabinet kerana beliau telah melzukkan kebaikan yang tidak terhingga sebagai Menteri Kewangan.

Sementara itu, 7,000 orang ahli Kesatuan Sekerja Teknikal Malaysia (MTSU), dalam satu kawad kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Jumaat lalu, menyatakan agar kerjasama yang lebih rapat serta persefahaman dan perumusan dasar-dasar yang liberal akan dapat diadakan membolehkan buruh memainkan peranan yang bermakna dan positif di dalam pembangunan tawic ekonomi dan politik negara.

Di dalam satu lagi perutusan tahniah kepada Datuk Musa Hitam, MTSU menyatakan keyakinan bahawa kepimpinan beliau bersama Datuk Seri Dr. Mahathir akan membawa kemakmuran dan perpaduan nasional.

Penghormatan

MTSU juga menghantar kawad kepada Datuk Hussein Onn menyatakan penghormatan perletakan jawatan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri atas sebab-sebab kesihatan dan mendoakan agar kesihatan beliau selalu sehat dalam tempoh persaraan.

Di Kuala Lumpur, Kuantan, seorang csektif Bank, Encik Lee Chin Keong, 41, berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang yang sederhana dan praktikal dan tidak gentar mengatasi segala masalah.

Katanya, beliau adalah yang paling layak menjadi Perdana Menteri setelah mendapat tmbingar, dari Datuk Hussein Onn.

"Saya yakin beliau telah bersedia untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat," jelasnya.

Seorang ahli perniagaan berumur 46 tahun yang telah menjelajah keseluruhan rantau ini menifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang yang berkallbar yang telah menunjukkan kemampuannya memandu negara ini ke arah yang dicita-citakan.

Katanya, jentera kerajaan akan berjalan lancar di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Di Kuala Trengganu, seorang juruteknik rendah, 25, berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang dedikasi dan tabah.

Jelasnya, beliau masih muda dan mampu menjalankan tugasnya sebagai yang dikehendaki.



■ T. NARENDAN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia